



ALLIANCE BANK

ALLIANCE ISLAMIC BANK

Lembaran Pendedahan Produk Pembiayaan Invois-i

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Invois-i (IF-i). Terma dan syarat muktamad akan didokumenkan dalam Surat Tawaran dan terma dan syarat yang dilampirkan bersamanya.)</p>	<p>Alliance Islamic Bank Berhad (“Bank”)</p> <p>Nama Produk: Pembiayaan Invois-i (IF-i)</p> <p>Tarikh: _____</p>															
<p>1. Apakah produk ini?</p>																
<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan Invois-i (“IF-i”) adalah kemudahan pembiayaan perdagangan patuh Syariah untuk membiayai belian dan jualan barangan dan perkhidmatan berkaitan perdagangan, dan juga barangan tak ketara seperti caj pengangkutan dan utiliti. • IF-i boleh digunakan untuk membiayai yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> - barangan berkaitan perdagangan, bahan api, bahan habis pakai atau apa-apa bahan mentah lain dalam proses menjana barangan atau perkhidmatan yang boleh diterima oleh Bank; - perkhidmatan seperti caj barangan angkut, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan gudang dan barangan tak ketara lain seperti bayaran pendahuluan, kastam, duti dan cukai, overhead, utiliti dan upah. - apa-apa barangan atau perkhidmatan atau barangan tak ketara lain yang boleh diterima oleh Syariah dan diluluskan oleh Bank. 																
<p>2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?</p>																
<ul style="list-style-type: none"> • Kontrak Syariah asas yang utama untuk IF-i ialah <i>Murabahah</i> melalui <i>Tawarruq</i> dan kontrak Syariah sokongan yang digunakan ialah <i>Wakalah</i> (agensi). • <i>Murabahah</i> merujuk kepada jualan dan belian aset di mana kos pemerolehan dan penambahan didedahkan kepada pembeli. • <i>Tawarruq</i> merujuk kepada dua kontrak jual beli di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli pada dasar tertunda manakala penjualan seterusnya melibatkan penjualan aset kepada pihak ketiga pada dasar tunai dan semerta. • <i>Wakalah</i> merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen (wakil) beliau untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang mungkin diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. • Untuk memenuhi keperluan kontrak Syariah bagi IF-i, Bank akan memasuki transaksi jual beli yang melibatkan komoditi patuh Syariah (perdagangan komoditi) sebagai prinsipal dan juga ejen untuk pelanggan. Bank akan membeli komoditi daripada pembekal pada harga kos (bersamaan dengan amaun prinsipal pembiayaan) dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada pelanggan mengikut dasar pembayaran tertunda pada Harga Jualan <i>Murabahah</i> Bank (bersamaan dengan amaun prinsipal + keuntungan). Bank kemudiannya akan melaksanakan perkara berikut bagi pihak pelanggan: <ul style="list-style-type: none"> • menerima tawaran Bank untuk penjualan komoditi; • menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga pada harga kos. • Aset pendasar untuk transaksi di atas adalah komoditi patuh Syariah, iaitu, minyak sawit mentah dan produk sawit lain, getah, koko, logam London Metal Exchange, logam kumpulan platinum dan komoditi patuh Syariah lain yang diluluskan oleh Bank. 																
<p>3. Apa yang saya peroleh daripada produk ini?</p>																
<ul style="list-style-type: none"> • Ciri-ciri utama IF-i: <table border="0" data-bbox="211 1575 1364 1753"> <tr> <td>Amaun Pembiayaan</td> <td>:</td> <td>Tiada jumlah pembiayaan minimum atau maksimum.</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan</td> <td>:</td> <td>Kos Dana (COF)/Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + % Spread</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan</td> <td>:</td> <td>Tiada tempoh pembiayaan minimum. Tempoh pembiayaan maksimum adalah sehingga 180 hari.</td> </tr> <tr> <td>Margin Pembiayaan</td> <td>:</td> <td>Sehingga 100% daripada nilai invois atau sebahagian daripadanya.</td> </tr> <tr> <td>Jenis Keuntungan</td> <td>:</td> <td>Kadar tetap</td> </tr> </table> 		Amaun Pembiayaan	:	Tiada jumlah pembiayaan minimum atau maksimum.	Kadar Keuntungan	:	Kos Dana (COF)/Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + % Spread	Tempoh Pembiayaan	:	Tiada tempoh pembiayaan minimum. Tempoh pembiayaan maksimum adalah sehingga 180 hari.	Margin Pembiayaan	:	Sehingga 100% daripada nilai invois atau sebahagian daripadanya.	Jenis Keuntungan	:	Kadar tetap
Amaun Pembiayaan	:	Tiada jumlah pembiayaan minimum atau maksimum.														
Kadar Keuntungan	:	Kos Dana (COF)/Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + % Spread														
Tempoh Pembiayaan	:	Tiada tempoh pembiayaan minimum. Tempoh pembiayaan maksimum adalah sehingga 180 hari.														
Margin Pembiayaan	:	Sehingga 100% daripada nilai invois atau sebahagian daripadanya.														
Jenis Keuntungan	:	Kadar tetap														

- Formula untuk mengira keuntungan:

$$\text{Keuntungan} = \frac{\text{Amaun Pembiayaan} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \text{Tempoh Pembiayaan (hari)}}{\text{Bilangan Hari Sebenar untuk Tahun Tertentu}}$$

- Formula untuk mengira harga jualan:

$$\text{Harga Jualan} = \text{Amaun Pembiayaan} + \text{Keuntungan}$$

- Ilustrasi pengiraan keuntungan dan Harga Jualan:

$$\text{Keuntungan} = \frac{\text{Amaun Pembiayaan} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \text{Tempoh Pembiayaan (hari)}}{\text{Bilangan Hari Sebenar untuk Tahun Tertentu}^*}$$

$$= \frac{\text{RM100,000} \times 5\% \times 60 \text{ hari}}{365}$$

$$= \text{RM821.92}$$

$$\text{Harga Jualan} = \text{Amaun Pembiayaan} + \text{Keuntungan}$$

$$= \text{RM100,000} + \text{RM821.92}$$

$$\text{RM100,821.92}$$

**Nota: 365 hari untuk tahun bukan lompat dan 366 hari untuk tahun lompat.*

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Anda perlu menjelaskan amaun pembiayaan ditambah keuntungan (“baki tertunggak”) pada tarikh matang IF-i. Anda boleh menjelaskan sebahagian daripada baki tertunggak tersebut pada bila-bila masa sepanjang tempoh IF-i.
- Anda perlu memastikan terdapat baki mencukupi dalam akaun semasa anda yang boleh didebitkan oleh Bank untuk caj (jika ada) berhubung dengan transaksi pembiayaan dan untuk penyelesaian baki tertunggak.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Caj berikut* akan dikenakan:
 - Duti setem seperti diperlukan di bawah Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989)
 - Yuran pembrokeran perdagangan komoditi
 - Caj SWIFT / Rentas
 - Bayaran pos dan kurier (jika ada)

Anda boleh merujuk kepada yuran dan caj pembiayaan perdagangan di laman web Alliance Islamic Bank: <https://www.alliancebank.com.my/>.

* Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak akan termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan (jika ada) yang mungkin dikenakan di bawah perundangan yang berkaitan. Sekiranya mana-mana cukai tersebut dilaksanakan pada masa hadapan dan bila-bila masa yang berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.

6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Caj Pembayaran Lewat (“CPL”) akan dikenakan:

Sekiranya berlaku keingkar/tiada bayaran selepas tarikh matang Kemudahan, Bank akan mengenakan yuran pembayaran lewat sebagai pampasan (ta'widh) pada kos sebenar Bank sehingga kadar pampasan tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) semalaman lazim yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru).

Walau apa pun perkara di atas, amaun pampasan tidak boleh dikompaun.

Formula:

Caj Pembayaran Lewat = Baki tertunggak x kadar CPL x Bilangan hari tertunggak / 365 hari

*Nota: Tarikh di mana pembiayaan perlu dibayar serta-merta disebabkan Kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman.

Ilustrasi pengiraan CPL:

Baki tertunggak	RM100,821.92
Kadar CPL	1.72%
Bilangan hari tertunggak	10 days
Amaun CPL	$\frac{RM100,821.92 \times 1.72\% \times 10 \text{ days}}{365 \text{ hari}}$ = RM47.51

CPL yang dikenakan akan meningkatkan baki tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank.

- Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan Bank terhadap sebarang baki tertunggak di bawah kemudahan tersebut dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 7 hari kalendar terlebih dahulu jika anda gagal menjelaskan amaun yang perlu dibayar pada tarikh matangnya.
- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin anda (jika ada) jika anda gagal menjawab notis peringatan kami untuk pembayaran dan anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dengannya. Cagaran (jika ada) yang menjamin kemudahan juga mungkin dibubarkan atau dirampas untuk menyelesaikan amaun tertunggak.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda dan juga menjejaskan keupayaan anda untuk memperoleh kemudahan tambahan daripada bank

7. Bagaimana jika saya melakukan prabayaran atau penyelesaian penuh bagi pembiayaan sebelum tempoh matang?

Jika anda melakukan pembayaran separa sebelum tempoh matang pembiayaan (“prabayaran”), liabiliti anda akan berkurangan dengan sewajarnya kerana keuntungan untuk baki tempoh selepas prabayaran akan dikira berdasarkan baki prinsipal yang lebih rendah. Jika anda menyelesaikan pembiayaan dengan sepenuhnya sebelum matang (“penyelesaian awal”), Bank tidak akan mengutip keuntungan untuk baki tempoh selepas penyelesaian. Bank akan memberi rebat (*ibra*) ke atas Harga Jualan (jumlah kewajipan untuk pembiayaan) yang disebabkan oleh prabayaran/penyelesaian awal.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Takaful mungkin diperlukan tertakluk kepada jenis cagaran yang dikenakan kepada Bank. Jika cagaran merupakan hartanah, anda perlu memastikan perlindungan takaful kebakaran yang mencukupi disediakan untuk hartanah yang dicaj kepada Bank.

9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

Bank mungkin memerlukan penjamin untuk menyediakan jaminan untuk kemudahan atau cagaran daripada anda untuk menjamin kemudahan tersebut. Ini tertakluk kepada penilaian kredit oleh Bank.

10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Siapa yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda harus hubungi pengurus perhubungan anda secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran.
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK menawarkan penyelesaian khusus untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengurus hutang mereka dan menggalakkan amalan pengurusan kewangan yang baik melalui Skim Penyelesaian Hutang Kecil (SDRS) mereka. Perkhidmatan AKPK boleh diakses melalui saluran dalam talian mereka di <https://services.akpk.org.my>.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi pengurus perhubungan anda atau anda boleh hubungi kami di:

Alliance Bank Malaysia Berhad, Unit Aduan Kumpulan
Tingkat 7, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2600 1800; Faks: 03-26918229; E-mel: info@alliancefg.com

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465; Faks: 03-2174 1515; E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Anda boleh melayari laman web kami www.alliancebank.com.my untuk mendapatkan maklumat lanjut dan meminta salah seorang pengurus perhubungan kami untuk menghubungi anda. Jika anda sudah mempunyai pengurus perhubungan, sila hubungi beliau untuk bertanya lebih lanjut tentang produk dan perkhidmatan kami.

13. Cara pendedahan / komunikasi serta komunikasi berterusan oleh Bank

- Terma dan syarat serta yuran dan caj mungkin dikemas kini atau disemak dari semasa ke semasa. Bank akan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum melaksanakan perubahan sedemikian. Pemberitahuan mungkin diberikan melalui:
 - SMS; dan/atau
 - E-mel; dan/atau
 - pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - dimasukkan dalam penyata akaun; dan/atau
 - apa-apa cara pemberitahuan lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- Anda diingatkan untuk melayari laman web kami secara berkala supaya anda sentiasa mendapat maklumat tentang yuran dan caj terkini bagi kemudahan anda.

14. Jenis produk dan perkhidmatan perdagangan Islam lain yang disediakan

Di bawah adalah senarai produk/perkhidmatan perdagangan yang ditawarkan oleh kami:

- Pembiayaan Modal Kerja Murabahah-i
- Pembelian Bil Penerimaan-i
- Jualan Bil Penerimaan-i
- Resit Amanah Murabahah-i
- Bil Eksport Dibeli/Didiskaun-i
- Bil Eksport Dirunding-i
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
- Surat Kredit-i
- Jaminan Perkapalan-i
- Jaminan Bank-i
- Bil Import Dirunding-i
- Bil Import untuk Kutipan-i
- Surat Kredit Eksport-i
- Kutipan Dokumen Eksport-i

Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian:- Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar keuntungan yang akan disediakan untuk kemudahan adalah bergantung pada penilaian kredit oleh Alliance Islamic Bank. Penghantaran Lembaran Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh Alliance Islamic Bank untuk memberikan anda sebarang kemudahan.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MELAKUKAN PEMBAYARAN TEPAT PADA MASANYA.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini berkuat kuasa mulai Oktober 2022.